

30/03/2002

Penswastaan: NGO wajar diberi penerangan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan disaran supaya memberi penerangan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai dasar dan perancangan sesuatu projek penswastaan yang sudah dan bakal dilaksanakan.

Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Norizan Sharif, berkata tentangan terhadap rancangan penswastaan timbul kerana NGO kurang jelas mengenai dasarnya serta tiada hubungan rapat dengan pengurusan projek penswastaan.

Sehubungan itu, beliau yakin NGO akan menyokong projek penswastaan jika mereka memahami manfaatnya.

"Sesi ini juga boleh digunakan kerajaan bagi mendapatkan maklum balas mengenai projek penswastaan yang sudah dijalankan. Dengan itu, kerajaan boleh memperbaiki sebarang kelemahan dalam projek penswastaan sedia ada," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam meminta orang ramai berfikiran terbuka dan bersedia menerima perubahan, termasuk kemungkinan penswastaan bekalan air, berikutan beberapa program penswastaan kerajaan sebelum ini terbukti berjaya.

Norizan bagaimanapun meminta kementerian dan agensi kerajaan lebih berhati-hati membuat pengumuman projek penswastaan bagi mengelakkan salah faham masyarakat.

Katanya, lebih baik mereka tidak membuat sebarang pengumuman projek penswastaan sebelum ia dibincang dan diluluskan Kabinet.

Selasa lalu, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata bekalan air di seluruh negara akan diswastakan bagi membolehkan kos pengeluaran dan pembekalan yang tinggi, ditanggung bersama pengguna.

Katanya, selepas 43 tahun merdeka, sudah sampai masanya bekalan air di negara ini diswastakan kerana kerajaan terpaksa membelanjakan peruntukan bagi menampung kos membekalkannya kepada orang ramai sekarang.

(END)